

Berita PKINK



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

* BIL 1/2002 * 17 Syawal - 16 Muharam 1423/Jan - Mac 2002 *

* Edaran PERCUMA *

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.



Mesraan ariah sama-sama kita mengucapkan berbanyak-banyak syukur ke Hadrat Allah s.w.t. kerana diberi kesempatan lagi untuk menyambut kedatangan Tahun Hijrah 1423. Saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 1423 Hijrah kepada semua anggota kumpulan PKINK dan semua pihak yang berurusan dengan kita merangkumi Jabatan-jabatan Persekutuan, Jabatan Negeri, Syarikat-syarikat Swasta dan orang-orang perseorangan.

Sama-samalah kita merenung sejenak terhadap peranan dan tanggungjawab kita terhadap organisasi yang sama-sama kita dokong. Apakah usaha, komitmen dan sumbangan kita semakin meningkat ataupun disebalkinya. Sesungguhnya persoalan sebegini perlu sentiasa segar diminda agar kita tidak termasuk dalam golongan orang yang terlupa. Sebagai anggota kumpulan PKINK yakni sebuah badan korporat kerajaan, ketajaman dan perubahan minda, komitmen serta semangat kerja berpasukan perlu diperhebatkan seiring dengan peredaran waktu dan lefakan kemajuan hari ini yang makin mencabar.

Senario ekonomi semasa telah memberi kesan kepada kita semua dan majoriti kita berada dalam keadaan tidak tenteram malahan ia turut mengugat keyakinan dan mencabar keupayaan kita. Dalam konteks ini, hanyalah persefahaman, saling menghormati dan bekerjasama sebagai sebuah pasukan tanpa prejudis mampu menolong kita. Oleh yang demikian saya menyeru kepada semua bahagian dan syarikat-syarikat dalam kumpulan agar perlu berusaha lebih keras untuk memperingkatkan kemahiran dan keupayaan diri bagi menjamin kejayaan kumpulan.

Sebagai anggota kumpulan PKINK, kita merupakan pemegang amanah untuk membangunkan ekonomi negeri. Lantaran itu jangan sekali-kali kita cuba melepaskan diri daripada memikul dan melaksanakan tanggungjawab tersebut. Untuk merealisasikan segala perancangan yang telah diatur memang memerlukan komitmen dan dedikasi yang tinggi. Bersamaalih kita tingkatkan komitmen dan menyuntik semangat baru untuk memperbaiki kelemahan dan kegagalan yang pernah kita alami. Jangan sekali-kali berpuas hati dengan pencapaian yang tak seberapa kerana sikap tersebut akan membekelenggu kita ditakuk lama.

Pada kesempatan ini juga, sukalah saya mengingatkan semua anggota kumpulan PKINK bahawa khidmat bakti yang kita

Perutusan Khas

KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK Sempena TAHUN BARU 1423 Hijrah

Dan janganlah kamu terharap-harap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian kamu (untuk menjadikan mereka memiliki sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran) (kerana (tah telap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang perempuan pun ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniannya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Surah An-Nisa, Ayat 32).

berikan memerlukan keikhlasan hati. Selain daripada mencari rezeki, khidmat dan kerahan tenaga kita juga merupakan amal jariah dalam konteks menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan kesejahteraan masyarakat.

Saya juga berharap agar anggota-anggota kumpulan PKINK akan memanfaatkan waktu pejabat serta segala bentuk kemudahan dan keistimewaan yang telah disediakan. Kita juga perlu mengamal dan menghidupkan budaya korporat yang berlandaskan Islam agar dalam apa jua keadaan kita akan mendapat petunjuk dan perlindungan Allah, dilimpahi rahmat serta kesejahteraan. Semoga ianya akan menjadi contoh dan teladan kepada generasi pelapis yang akan meneruskan perjuangan kita kelak.

Akhirnya..... sekali lagi disarankan agar kita sama-sama membuat perubahan. Perubahan dalam semua aspek merangkumi sikap, kualiti kerja, komitmen, keimanan dan semangat juang yang tak mudah pudar. Bersedia lah untuk membuat 'Quantum Leap', bagi memastikan kumpulan PKINK dapat terus bersaing dan terkehadapan. Insya-Allah.

Sekdah, wassalam.

ISSN 0127-2254

Dari Editor

Tahun baru azam pun baru. Berkobar-kobar penuh wawasan seolah-olah ianya satu kemestian supaya tidak dianggap dungu dan dikatakan ketinggalan. Dalam pada berazam untuk buat itu buat ini dan apa sahaja setelah melangkah ke tahun baru, adalah wajar untuk kita menanyakan diri sendiri. Apakah pelbagai azam pada tahun lalu telah terlaksana atau ianya sekadar menjadi igauan yang tak pernah kesampaian.

Tiada gunanya menanam sebarang azam seandainya azam tersebut tetap dibiarkan kosong tanpa sebarang pengisian dan tiada ertiinya azam baru kalau sekadar untuk 'renew' azam lama yang tak terlaksana. Sememangnya azam bukanlah satu lelucon tetapi ianya satu tekad bagi mencapai matlamat. Dalam hubungan ini kita perlu memotivasi diri seiring dengan azam dan tekad yang telah kita tanam sehingga memperolehi kejayaan.

Di PKINK pihak pengurusan telah sedaya upaya menyediakan ruang pejabat yang lebih 'ergonomi' agar semua anggotanya mampu bekerja dan membina kerjaya yang sentiasa cemerlang. Realitinya?..... Pejabat yang ergonomi dan persekitaran kerja yang baik telah mendorong kepada perkembangan personaliti dan profesionalisme serta penghasilan mutu kerja pada tahap optima, tetapi prestasi kerja kita bagaimana? Dalam pada itu, kita jangan sekali-kali menidak dan mengenepekan rakan-rakan setugas kerana untuk sebarang keadaan kita saling memerlukan antara satu sama lain. Begitu juga dengan hasrat untuk mencapai azam dan tekad kita. Tidak salah dan tidak perlu merasa ketinggalan ataupun terkebelakang sekiranya kita menjadikan rakan-rakan kita yang telah berjaya dan cemerlang sebagai idola atau 'benchmark' sebagai usaha pengisian azam dan tekad kita. Persefahaman dan perkongsian idea sesama kita merupakan jalan keluar yang paling selamat untuk memperbaiki kelemahan diri bahkan menghindari masalah yang kita hadapi.

Realiti dan kesimpulannya, orang-orang yang berjaya pada hari ini terdiri dari kalangan mereka yang bercita-cita tinggi, berwawasan dan bekerja keras. Mereka sentiasa berusaha untuk mencapai cita-cita dan wawasan mereka tanpa jemu, merasa kalah apatah lagi berputus asa. Begitulah juga dengan kita anggota kumpulan PKINK. Jadikan kesilapan dan kegagalan masa lalu sebagai pengajaran. Sifat buruk dan sikap negatif perlu dijadikan sempadan. Letakkan matlamat yang tinggi biarpun sukar dicapai tangan kerana dengannya kita akan berusaha lebih keras untuknya dan sudah pasti kita akan memperolehinya. Insya-Allah.

Editor.

Sidang Editor

Penaung

Tuan Haji Hanifa Ahmad

Ketua Editor

Tuan Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

Tuan Haji Baharuddin Harun

Penolong Editor

Encik Mohd Adilan Mat Jusoh

Puan Ahlaami Haji Ab. Halim

Puan Nik Farzimar Nik Omar

Puan Teh Mariam Mohamed

Encik Wan Azizan Wan Yaakub

Yang Mulia Tengku Petra Tengku Wook

Encik Mohd Ramli Haji Hamzah

Jurufoto

Encik Mohd Ghazali Mahmood



Bentuk kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iklisad Negeri Kelantan,

Tingkat 8 — 1, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Pet 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan.

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

5169-F, Jalan Kuala Krai,

15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7485667

Faks: 09-7485687

Lawatan Korporat MAJLIS EKSEKUTIF PKINK

Majlis Eksekutif PKINK telah meneruskan siri Lawatan Korporat ke syarikat-syarikat anak dalam kumpulan, antaranya ialah Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI), Kelkon Sdn. Bhd., Hotel Perdana Sdn. Bhd. dan projek-projek perlombongan emas alluvial serta marmar yang diusahakan oleh Kelstone Sdn. Bhd. Majlis Eksekutif juga telah mengadakan lawatan susulan ke Kilang Mengetin Makanan Murni Marketing di Wakaf Zin, Bachok.

Darulnaim Agro Management Sdn. Bhd.

Lawatan ke projek-projek yang dikendalikan oleh DAMAI merangkumi Ladang Rakyat Dataran Rabuah Jeli, Relai dan Lojing telah diadakan pada 3 Zulkaedah 1422 (17 Januari 2002). Lot-lot dusun di Projek LRDR Jeli telah mula mengeluarkan hasil dan dijangka akan diserahkan kepada pembeli-pembeli menjelang Julai 2002. Selain daripada menguruskan lot-lot dusun bagi pihak pembeli, DAMAI melalui Pusat Bekalan Anak Benih Mukim Apam yang akan dijadikan Pusat Hentian Benih Setempat telah membekalkan pelbagai pilihan anak benih kepada pengusaha di seluruh Negeri Kelantan.

Pada tahun 2002, DAMAI bercadang untuk memajukan tanaman Kelapa Wangi, Nangka Madu dan nenas di atas tanah milik DAMAI seluas 20 ekar di Mukim Apam, Pasir Mas. Selain itu DAMAI juga merancang untuk menanam tanaman berpotensi di atas tanah milik PKINK di sepanjang Lebuh Raya Timur Barat.

Kelkon Sdn. Bhd.

Semenjak tahun 1999, Kumpulan Kelkon telah beroperasi di bawah konsep pengurusan kumpulan:

- ¥ Kelkon Sdn. Bhd. — Kontrak Binaan.
- ¥ Kijang Kuari Sdn. Bhd. — Operasi Kuari dan Penyelenggaraan Jalan.
- ¥ Syarikat Pemborong PKINK Sdn. Bhd. — Pembinaan Perumahan.
- ¥ Kelmix Sdn. Bhd. — Konkrit Sedia Bancuh dan Sewaan Jentera/Peralatan.

Setelah menunjukkan prestasi yang positif dalam bidang-bidang yang diceburi, Kelkon Sdn. Bhd. akan mengembangkan perniagaannya dengan memasuki bidang pengurusan hartaan yang mana buat permulaannya melibatkan hartaan milik kumpulan yang akan disewa kepada penyewa-penyewa yang berpotensi serta hartaan yang bakal dibangunkan oleh Kelkon sendiri.

Kelstone Sdn. Bhd.

Kelstone Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 14 Februari 1997 sebagai syarikat pelaburan dan pegangan, perlombongan dan pengkuarian dengan modal dibenar RM5,000,000.00 dan modal berbayar RM100,002.00.

Projek-projek dalam perlaksanaan ialah Perlombongan Emas Primer, Perlombongan Emas Alluvial Sungai Sokor dan Sungai Galas, Pengkuarian Marmar di Gua Air Utara dan Gua Air Selatan.



Bermula pada bulan Julai 2001, Kelstone telah mengadakan usahasama dengan Effisource Sdn. Bhd. bagi kerja-kerja melombong secara palong di Sungai Sokor. Sehingga 31 Disember 2001 projek ini telah memberikan pendapatan kepada syarikat sebanyak RM1,352,132.00 dan pengeluaran emas sebanyak 65,372.08 gram.

Pengerudian Banka bagi projek perlombongan emas alluvial di Sungai Galas yang dijalankan secara usahasama dengan Global A Inc. sebuah syarikat milik Jepun yang membabitkan perbelanjaan sebanyak RM251,550.00 telah dimulakan pada Jun 2001.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001, syarikat telah memperolehi pendapatan RM1,378,382.24 dan keuntungan kasar operasi berjumlah RM190,956.48.

Bagi Projek Pengkuarian Marmar pula, syarikat usahasama iaitu Gua Air Marble Sdn. Bhd. telah memulakan kajian struktur perbatuan di Bukit Gua Air Utara. Operasi pengkuarian dijangka dapat dimulakan pada pertengahan tahun 2002 apabila pembangunan tapak kuari yang dijangka mengambil masa setahun siap dibina.



MENJELANG KEJOHANAN SUKAN GEMAPUTERA 2002

Bahang kejohanan Sukan Gemaputera 2002, sukan antara agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUn) telah mula terasa. Kejohanan tahun ini yang dihoskan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) akan diadakan di Kota Kinabalu bermula 30 Mei hingga 2 Jun 2002. Sejajar dengan kempen untuk menjayakan sukan ini yang dianjurkan secara dwi-tahunan, Ahli-ahli Exco Gemaputera Sabah telah membuat kunjungan hormat ke agensi-agensi tersebut. Exco berkenaan telah berkunjung ke PKINK pada 23 Zulkaedah 1422 bersamaan 6 Februari 2002. Selain diraikan dengan jamuan makan tengah hari, Exco berkenaan telah bertukar-tukar pandangan dengan pihak PKINK.

Bagi tujuan yang sama, Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK yang bertanggungjawab mengendalikan skuad PKINK telah mula membuat persediaan yang sewajarnya. Bermula dengan penyediaan peruntukan kewangan, KSK telah pun membuat pemilihan peserta-peserta bagi setiap acara yang akan disertai. Latihan telah pun dimulakan,

manakala latihan secara intensif akan dijalankan pada bulan Mei nanti.

Apapun keadaannya, diharap skuad PKINK dapat memantapkan diri untuk perform dan meraih kedudukan yang baik pada kejohanan tersebut.

SUKAN UNTUK SEMUA, MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA



LAWATAN KORPORAT MAJLIS EKSEKUTIF PKINK KE KILANG MARULEE (M) SDN. BHD. DAN ROHM WAKO ELECTRONIK (M) SDN. BHD.



Majlis Eksekutif PKINK telah memperluaskan skop lawatan korporat merangkumi lawatan ke kilang-kilang yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II. Kawasan ini merupakan salah satu daripada kawasan perindustrian yang dimajukan oleh PKINK.

Lawatan pertama telah dilakukan pada 25 Februari 2002 ke kilang Marulee (M) Sdn. Bhd., milik pelabur daripada Negara Jepun. Ia mempunyai pekerja seramai 409 orang dan mengeluarkan barang-barang kraftangan eksklusif serta bermutu tinggi seperti Bone China, Porcelain dan Gold Coating Wares untuk pasaran eksport. Susulan daripada lawatan ini, Encik Yoshiro Kamiya salah seorang Pengarah Marulee telah membuat kunjungan hormat ke pejabat Ketua Eksekutif PKINK semasa lawatan beliau ke Kelantan pada 7 April 2002.

Rombongan Majlis Eksekutif telah melakukan lawatan kedua pada 27 Mac 2002 ke sebuah lagi kilang milik Jepun di Pengkalan Chepa iaitu Rohm Wako Electronics (M) Sdn. Bhd. Kilang ini mempunyai pekerja seramai 1,084 orang dan mengeluarkan komponen elektronik seperti Diode, LED, SML dan resistor untuk pasaran eksport.

Kedua-dua siri lawatan telah diketuai oleh Tuan Haji Hanifa Ahmad selaku Ketua Eksekutif PKINK dan



disertai sama oleh kedua-dua Timbalan Ketua Eksekutif. Semua program lawatan telah diatur oleh Bahagian Galakan Industri dan IKS. Anggota rombongan seramai 10 orang telah diberikan taklimat oleh pihak pengurusan kedua-dua syarikat tersebut dan seterusnya dibawa melawat ke sekitar kilang mereka untuk melihat lebih dekat proses dan barang yang dikeluarkan oleh mereka.

Program lawatan Majlis Eksekutif akan diadakan setiap bulan dan diharapkan dapat mengerakkan lagi hubungan silaturahim di antara PKINK dan pelabur-pelabur yang beroperasi di dalam kawasan perindustrian milik PKINK.

ANGGOTA-ANGGOTA PKINK YANG MENGIKUTI KURSUS

Setiap individu telah dianugerahkan dengan kebolehan dan keistimewaan yang tersendiri. Walaupun demikian, kebolehan dan keistimewaan ini amatlah terbatas apatah lagi dalam konteks kedudukan dan peranan mereka di dalam mana-mana organisasi yang dianggotai. Kelangsungan daripada keterbatasan ini ialah halangan yang amat ketara kepada seseorang untuk menjangkau lebih jauh terutamanya dalam menghadapi cabaran globalisasi. Dalam hubungan ini, PKINK sebagai satu badan yang sentiasa berpandangan jauh telah memberikan peluang yang cukup luas kepada anggota-anggotanya untuk mengikuti kursus-kursus profesional di mana dengannya diharapkan anggota-anggota terbabit mampu membina kerjaya yang lebih mantap sekaligus mempertingkatkan peranan dan sumbangannya ke arah kecemerlangan.

Anggota PKINK yang telah mengikuti kursus dan seminar untuk tempoh Januari tahun 2000 ialah:

BIL.	NAMA	KURSUS/SEMINAR	DARIPADA	KEPADAA	TEMPAT	ANJURAN
1.	Puan Nik Farzimar binti Nik Omar	Financial Analysis dan Modelling, Using Advanced	23.1.02	24.1.02	Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur	Asian Executive Advancement Centre
2.	Encik Zahri Ismail	Konvensyen Promosi Industri Kecil dan Sederhana (IJKS) 2002	22.1.02	—	Hotel Concorde, Shah Alam	Utusan Events Sdn. Bhd. Konsortium Dewan
3.	Encik Hishamuddin bin Hussein	Kursus Memahami dan Menganalisa Penyata Kewangan Bagi Pegawai Bukan Kewangan	4.2.02	8.2.02	Intan Bukit Kiara, Kuala Lumpur	INTAN
4.	Encik Zahri bin Ismail	Kursus Memahami dan Menganalisa Penyata Kewangan Bagi Pegawai Bukan Kewangan	4.2.02	8.2.02	Intan Bukit Kiara, Kuala Lumpur	INTAN
5.	Tuan Haji Suhaimi bin Hussin	Seminar on 'The Malaysia Economy Issues, Challenges and The Outlook'	31.1.02	—	Auditorium Intan, Bukit Kiara, Kuala Lumpur	INTAN dan Persatuan Ekonomi Malaysia (PEM), Malaysian Institute of Accountant (MIA)
6.	Tuan Haji Wan Ab. Rahman bin Wan Yaacob	Seminar on 'The Malaysia Economy Issues, Challenges and The Outlook'	31.1.02	—	Auditorium Intan, Bukit Kiara, Kuala Lumpur	INTAN dan Persatuan Ekonomi Malaysia (PEM), Malaysian Institute of Accountant (MIA)
7.	Tuan Haji Mohamad Alwi bin Ya	Seminar on 'The Malaysia Economy Issues, Challenges and The Outlook'	31.1.02	—	Auditorium Intan, Bukit Kiara, Kuala Lumpur	INTAN dan Persatuan Ekonomi Malaysia (PEM), Malaysian Institute of Accountant (MIA)
8.	Puan Nik Amalina binti Nik Ab. Aziz	Peserta Ke Program 7 Tabiat Orang Yang Berkesan	5.2.02	6.2.02	Hotel Primula Parkroyal, Kuala Terengganu	Leadership Resources (M) Sdn. Bhd.
9.	Encik Rasdi bin Hassan	Peserta Ke Program 7 Tabiat Orang Yang Berkesan	5.2.02	6.2.02	Hotel Primula Parkroyal, Kuala Terengganu	Leadership Resources (M) Sdn. Bhd.
10.	Puan Ahlaami binti Ab. Halim	Minimizing Risks and Disputes in Joint Ventures	12.3.02	13.3.02	Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur	Centre For Management Technology
11.	Tuan Haji Mohamad Alwi bin Ya	Peluang Perniagaan dan Pasaran Strategik 2002	19.3.02	—	Grand Ballroom, Century Hotel, Kuala Lumpur	National Entrepreneur Development Centre
12.	Tuan Haji Wan Ab. Rahman bin Wan Yaacob	National Property Development Conference	25.3.02	26.3.02	Sheraton Subang Hotel, Selangor	Uni-Link Smart Venture Sdn. Bhd.
13.	Encik Asmadi bin Ab. Rahman	Seminar On 'Developing Brand for Export'	26.3.02	—	Ballroom Renaissance Hotel, Kuala Lumpur	MATRADE
14.	Encik Ahmad Nazri bin Ismail	Friendship Programme For The 21st Century	21.3.02	23.4.02	Jepun	Jabatan Perkhidmatan Awam
15.	Encik Wan Azizan bin Wan Yunus	Friendship Programme For The 21st Century	21.3.02	23.4.02	Jepun	Jabatan Perkhidmatan Awam

CERAMAH AIDIL ADHA



Menjelang Hari Raya Aidil Adha atau Hari Raya Qurban, Bahagian Latihan PSM telah mengadakan satu ceramah khas bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK, pada hari selasa 6 Zulhijah 1422 bersamaan dengan 19 Februari 2002. Ceramah khas ini telah dihadiri oleh hampir keseluruhan anggota PKINK.

Sesuai dengan acara dan penganjuran majlis, Yang Berbahagia Dr. Johari Mat dari Akademi Islam Universiti Malaya, Nilam Pun selaku penceramah undangan telah mengupas beberapa isu berkaitan dengan kelebihan dan keistimewaan bulan Zulhijah. Antara pengajaran dan intipati yang dapat dimanfaatkan dari ceramah tersebut ialah:

1. Bulan Zulhijah adalah antara bulan yang terbaik. Sepuluh hari pertama dalam bulan berkenaan adalah sangat afdal untuk amal soleh ini berbeza dengan Ramadan yang mana sepuluh hari terakhir adalah lebih afdal. Dalam bulan Zulhijah juga kita disuratkannya berpuasa pada 9 Zulhijah iaitu pada hari wukuf.



2. Melakukan ibadat korban biarlah dengan cara terbaik, niat yang terbaik dan binatang korban yang terbaik.
3. Peristiwa korban Nabi Ibrahim A.S. membawa pengertian yang besar kepada kita iaitu konsep Tauhid yang tinggi disisi Allah s.w.t. Dalam konteks ini kita akan lebih peka dan menghayati pengorbanan Nabi Ibrahim. Demi menjalankan perintah Allah dengan penuh rasa kehambaan, baginda terlupa akan kesetiaan dan pengorbanan isteri baginda Siti Hajar yang ditinggalkan di padang pasir tanpa bekalan. Namun begitu kegetiran tersebut dapat diharungi juga.
4. Dalam sesebuah institusi keluarga, ibu dan bapa merupakan orang-orang yang wajib dihormati, dipatuhi dan disayangi biar pun untuk sesetengah keadaan ibu bapa tersebut tidak dapat memelihara kita anak-anak mereka dengan sebaik-baiknya.
5. Ibu bapa berbuat baik kepada anak-anak mereka tanpa diminta atau dipesan tetapi anak-anak sering dipesan dalam Islam supaya sentiasa berbuat baik dan tidak mengabaikan ibu bapa kita. Kita sesama kita juga perlu saling berpesan kerana dalam memburu kemewahan dunia ada anak-anak yang mengabaikan orang-orang tua.

Pembinaan Imej Kumpulan PKINK

Demi untuk menjana keseragaman dan kesatuan imej kumpulan, semua warga kerja PKINK dan syarikat-syarikat anak dalam kumpulan telah diberikan dua pasang baju setiap seorang untuk dipakai pada setiap hari Khamis. Anggota wanita dimestikan baju kuning dan anggota lelaki pula memakai kemeja berkollar.

Berpakaian seragam pada setiap hari Khamis bukanlah perkara baru kepada anggota PKINK kerana untuk tempoh dua tahun lepas semua anggota PKINK induk telah mendapat juga dua pasang baju batik berwarna merah dan hijau. Pada tahun 2002 ini bukan sahaja anggota PKINK induk, malah semua warga kerja syarikat-syarikat dalam kumpulan telah mendapat pakalan seragam dengan wama corak yang sama agar tampil seragam lagi terserah.

Imej syarikat merupakan faktor yang paling pokok kenapa kita perlu berpakaian seragam walaupun hanya untuk sehari. Imej kita memaparkan imej syarikat tempat kita bekerja.

Apabila berpakaian sama, ia memaparkan penyatuan antara semua warga kerja PKINK. Apa yang diharapkan agar penyatuan ini bukan hanya dari sudut luaran malah penyatuan dari sudut dalam jua antara kumpulan pengurusan dan sokongan supaya PKINK akan utuh, bersatu dan lebih berdaya maju dalam konteks menghadapi cabaran masa depan dan juga meningkatkan ekonomi PKINK.



PERTUKARAN ANGGOTA PKINK

Dalam mana-mana organisasi, pertukaran dan penempatan semula anggota adalah sesuatu yang lumrah dan di PKINK juga ianya tidak terkecuali. Pertukaran dan penempatan semula berasaskan keperluan dan kecekapan anggota-anggota yang terbabit.

Bagi tempoh tahun 2002, pegawai dan anggota-anggota sebagaimana berikut telah terbabit dengan pertukaran. Mereka ialah:

Pegawai/Anggota	Dari/pada	Kepada
Encik Ab. Rashid bin Ibrahim	Pengurus Industri dan IKS	Pengurus Perdagangan Antarabangsa
Datin Norsiah binti Musa	Penolong Pengurus Industri dan IKS	Pengurus Industri dan IKS
Encik Mohd. Fauzi bin Taib	Pengurus Besar Projek Management	Penolong Pengurus Galakan Industri dan IKS
Encik Mohd. Asri bin Sulaiman	Penolong Pengurus Perancangan Korporat	Pengurus Besar Projek Management
Encik Jumodi bin Abdullah	Penolong Pengurus Projek dan Hartanah	Penolong Pengurus Khidmat Teknikal
Encik Asmadi bin Ab. Raman	Penolong Pengurus Audit dan Naziran	Penolong Pengurus Perancangan Korporat
Encik Mohd. Ab. Hadi bin Mustapha	Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Projek dan Hartanah	Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Pembangunan Usahawan

Diharap agar pegawai dan anggota yang terbabit dengan pertukaran ini akan terus ceria dan maju jaya di penempatan baru.

Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antara PKINK Melawan ADUN Kelantan



Sebagaimana lazim pada tahun-tahun lepas, setiap kali tamat persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan Penggal I, satu perlawanan bola sepak persahabatan antara PKINK dan ADUN Kelantan diadakan. Perlawanan persahabatan pada tahun ini telah diadakan pada 7 Zulhijah 1422 bersamaan 20 Februari 2002 bertempat di Stadium Sultan Mohamad IV Kota Bharu mulai jam 9.00 malam.

Babak-babak awal perlawanan menyaksikan persembahan yang agak hambar dan tidak bertentara. Walau bagaimanapun kehangatan dan kerancakan perlawanan mula terasa selepas 20 minit kemudian. Kedua-dua pasukan telah mula berbalas-balas serangan dan berusaha untuk menembusi gawang gol lawan. Pada minit-minit akhir separuh masa pertama, pasukan ADUN Kelantan telah mendahului PKINK dengan jaringan 1 — 0 melalui satu sepakan leret.

Memulakan babak separuh masa kedua, PKINK telah berusaha keras untuk menyamakan kedudukan. Hasil dari gelecek dan gerakan cantik yang memuncak dengan satu tendangan half-volley yang menerjah gawang gol lawan, PKINK telah dapat menyamakan kedudukan 1 — 1. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak mampu bertahan lama kerana beberapa minit kemudian, pasukan ADUN telah dapat menambah jaringan melalui satu tendangan sudut yang sememangnya cantik. Perlawanan ini berkesudahan dengan pasukan ADUN Kelantan mendahului PKINK dengan jaringan 2 — 1. Piala pusingan dan hadiah kepada pemain-pemain dari kedua-dua pasukan telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK.

Anggota-Anggota PKINK DIKURNIAKAN PINGAT KEHORMATAN

Sempena perayaan Hari Keputeraan K.D.Y.M.M. Al-Sultan Kelantan yang ke-52, seramai lapan orang anggota PKINK telah dikurniakan Pingat Kehormatan Negeri Kelantan. Bagi tujuan penganugerahan tersebut pihak pengurusan telah mencalonkan lima belas orang anggota. Setalah dinilai melalui proses saringan dan penilaian peringkat akhir yang dibuat oleh jawatankuasa penilaian seramai lapan daripada lima belas orang anggota yang dicalonkan telah dipilih untuk penganugerahan.

Sekarung tahniah buat mereka:

1. Tuan Haji Abas bin Salleh
 - *Pingat Setia Mahkota Kelantan (ASK)*.
2. Tuan Haji Zairi bin Abdullah
 - *Pingat Setia Mahkota Kelantan (ASK)*.
3. Puan Hajah Rumelah binti Abdullah
 - *Pingat Bakti (PB)*.
4. Encik Mohd. Kharani bin Salleh
 - *Pingat Taat (PT)*.
5. Encik Ab. Rashid bin Salleh
 - *Pingat Taat (PT)*.
6. Puan Hajah Siti Khadijah binti Omar
 - *Pingat Taat (PT)*.
7. Encik Ab. Aziz bin Ibrahim
 - *Pingat Perangai Baik (PPB)*.
8. Encik Ismail bin Mahamod
 - *Pingat Perangai Baik (PPB)*.



Syabas Kepada Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang

Setiap individu telah dilahirkan dan dianugerahkan dengan pelbagai keistimewaan dan kelebihan yang tersendiri. Walaupun demikian, keistimewaan dan kelebihan tersebut tidak akan memberi sebarang erti atau sebarang pulangan seandainya individu terbabit tidak mampu memperguna dan memanfaatnya.

Di PKINK sebagaimana di lain-lain agensi kerajaan, anggota-anggota yang memiliki keistimewaan dan kelebihan bukan sahaja diberi perhatian bahkan telah diberikan ruang dan laluan yang cukup luas bagi membolehkan mereka menunjukkan keupayaan diri. Mereka diberi peluang untuk mengembangkan bakat dan membina kerjaya. Memainkan peranan secara langsung untuk membina imej diri dan imej organisasi. Meransang rakan-rakan setugas agar sentiasa cergas dan ceria meneruskan perjuangan semoga tidak akan ketinggalan malah seboleh-bolehnya ingin sentiasa berada di hadapan. Sesungguhnya mereka ini cukup cemerlang.

Diucapkan setinggi-tinggi terima tahniah kepada yang menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada kali ini.

Anggota-anggota yang dianugerahkan pergerakan gaji secara melintang ialah:

1. Encik Wan Azizan Wan Yaacob.
2. Encik Azahari Yaacob.
3. YM. Tuan Seman Ku Muda.

Anggota-anggota yang dianugerahkan pergerakan gaji secara menegak pula ialah:

1. Tuan Haji Abas Salleh.
2. Encik Ahmad Nazri Ismail.
3. Encik Malek Sidek.
4. Puan Hajah Siti Zubaidah Harun.
5. Encik Nik Ab. Kadir Nik Husein.

Syabas untuk semua. Ia merupakan anugerah dari kesungguhan anda.

HIKMAH DALAM BERSUJUD

Tahukah kita bahawa dalam bersujud ada pelbagai hikmah yang tersembunyi. Manusia melakukan sujud dalam dua bentuk iaitu sujud fizikal seperti mana ketika bersolat dan sujud spiritual berbentuk ketaatan kepada perintah Allah dan menjauhi laranganNya. Apa yang ditekankan di sini adalah sujud fizikal. Ulamak menyatakan sujud ketika solat adalah waktu yang paling hampir antara kita dengan Allah s.w.t. Oleh itu digalakkan kita bersujud lama.

Dari segi ilmu perubatan, kesan sujud yang lama akan menambahkan kekuatan aliran darah ke otak yang boleh mengelakkan pening kepala dan migraine, menyegarkan otak serta menajamkan akal fikiran seterusnya menguatkan mentaliti kita. Menurut DR. MOHD. OSMAN NASIR, hikmah sujud antara lain ialah:

- (i) Melegakan sistem pernafasan (relieved congestion for breathing).
- (ii) Mengembalikan kedudukan organ ke tempat asal.
- (iii) Bernafas ketika sujud akan:
 - (a) Membetulkan buah pinggang yang terkeluar sedikit dari tempat asalnya.
 - (b) Membetulkan pundi peranakan yang jatuh (prolapsed uterus/fallen band womb).
 - (c) Melegakan sakit hernia.
 - (d) Mengurangkan sakit tenggorokan ketika haid.
 - (e) Melegakan bahagian paru-paru dari ketegangan (high parts of the lungs).
 - (f) Mengurangkan kesakit pada pesakit APENDIKS @ SPLEEN (Limpa).

- (g) Kedudukan sujud paling baik untuk berehat dan mengimbang lingkungan bahagian belakang tubuh.
- (h) Meringankan bahagian PELVIS.
- (i) Memberi dorongan untuk mudah tidur.
- (j) Menggerakkan otot bahu, dada, leher, perut punggung ketika akan sujud dan bangun darinya.
- (k) Gerakkan otot-otot itu akan menjadikan (otot) lebih kuat dan elastik, secara automatik memastikan kelincinan perjalanan darah yang baik (smooth blood circulation).
- (l) Bagi wanita, gerakan otot itu menjadikan buah dadanya lebih baik, mudah berfungsi untuk menyusukan bayi dan terhindar dari sakit buah dada.
- (m) Mengurangkan kegemukan (obesity).
- (n) Gerakan bahagian otot memudahkan wanita bersalin, organ peranakan mudah kembali ke tempat asal serta terhindar dari sakit bergelombang perut (convulsions).
- (o) Otak manusia (organ terpenting) menerima banyak bekalan darah dan oksigen.
- (p) Mengelakkan pendarahan otak jika kita tiba-tiba menerima pompa darah ke otak secara kuat dan mengejut terhindarlah pesakit seperti APOPLEXIA RUPTURE OF BLOOD VESSELS DAN ARTERIOSECLEROSIS OF CEREBRUM.

Kesan psikologi adalah manusia merasa rendah diri di hadapan Pencipta di mana sifat sompong, riak, takabur dapat dikikis.

Dalam Kenangan

Pada 25hb September 2001 yang baru lalu, warga Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd. telah dikehujung dengan berita kembalinya ke rahmatullah seorang kakitangan Bahagian Ibu Pejabat iaitu Allahyarham Syed Mohd. Asmadi bin Tengku Hussin setelah sebulan dimasukkan ke HUSSM, Kubang Kerian kerana menderita penyakit barah usus.

Beliau yang bertugas sebagai Pegawai Pemasaran merupakan seorang kakitangan yang begitu komited dengan tugas serta begitu mesra dengan kakitangan yang lain. Mula menyertai SLST pada Mei 1997 iaitu semasa Ibu Pejabat masih lagi berada di Bangunan PKINK, Kota Bharu dan apabila Ibu Pejabat berpindah ke Gua Musang, beliaulah satu-satunya pegawai yang sanggup turut serta dalam perpindahan itu.

Allahyarham berasal dari Wakaf Che Yeh, Kota Bharu mendapat pendidikan awal di SIC sebelum ke ITM Arau dan kemudian ke UIA. Beliau juga berkesempatan menyambung pelajaran ke luar negara selama dua tahun iaitu ke Negara Jepun untuk belajar di Universiti Kyushu dan Universiti Saga.

Beliau meninggalkan seorang bahu, Puan Mariam binti Omar dan tiga orang cahaya mata.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya dan menempatkan bersama-sama orang-orang yang soleh.



KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PKINK ANJUR LAWATAN 4 HARI 4 MALAM KE PHUKET DAN HADYAI

Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK melalui Jawatankuasa Kecil Pelancongan dan Rekreasi telah menganjurkan program lawatan ke Phuket dan Hadyai selama 4 hari dan 4 malam pada 28 Mei — 1 April 2002. Dengan bayaran hanya RM19.00 seorang sebulan selama 24 bulan, ahli-ahli dapat mengikuti rombongan tersebut.

Seramai 30 orang ahli dan keluarga telah bertolak dengan bas dari Kota Bharu pada jam 8.00 malam. Rombongan singgah sebentar di Pekan Golok bagi urusan pertukaran mata wang dan makan malam sebelum meneruskan perjalanan ke Phuket yang mengambil masa selama 12 jam. Kira-kira jam 8.30 pagi rombongan sampai di Bandar Phuket. Selepas sarapan pagi, rombongan di bawa ke hotel dan masing-masing sempat berehat sebentar sebelum bertolak untuk lawatan ke tempat-tempat menarik seperti Pusat Mutiara dan Pewter Craft Aquarium, kilang pemproses biji gajus dan lawatan sekitar bandar Phuket. Selepas makan tengah hari rombongan di bawa ke Phatung Beach dan seterusnya melihat matahari terbenam di Phromthep Cape.

Pada hari kedua, rombongan dibawa menaiki bot bagi menikmati permandangan indah di pulau-pulau sekitar antaranya termasuklah Pulau James Bond dan Pulau Panjee. Untuk makan tengah hari rombongan di bawa ke Seafood Restoran di Pulau Panjee dan di samping berkesempatan membeli-belah pelbagai kraftangan dan hasil makanan laut. Apa yang menarik di sinilah penempatan penduduk yang kebanyakannya adalah muslim dan mereka tinggal di rumah-rumah terapung yang dilengkapi dengan segala kemudahan asas. Kira-kira jam 2.00 petang rombongan telah meneruskan perjalanan ke Hadyai. Perjalanan yang mengambil masa 6 jam itu digunakan sepenuhnya oleh ahli-ahli untuk merehatkan badan. Kira-kira jam 8.00 malam rombongan sampai di bandar Hadyai dan dibawa terus ke hotel. Ahli-ahli bebas pada malam tersebut untuk keluar makan bersama-sama keluarga disamping menikmati suasana malam di bandar Hadyai.

Pada hari ketiga ahli-ahli bebas untuk membeli belah bersama-sama keluarga di sekitar bandar Hadyai. Antara

pusat membeli belah yang menjadi tumpuan ialah di Bazaar, Centre Supermarket, Big C Piazza Lee Garden, Ocean Shopping Centre dan gerai-gerai sekitar bandar Hadyai.

Pada hari keempat, selepas daftar keluar hotel, ahli rombongan dibawa melawat ke Pantai Songkhla dan seterusnya berlepas pulang. Dalam perjalanan pulang rombongan singgah sebentar di Pattani untuk makan tengah hari di samping melawat beberapa tempat yang menarik seperti Masjid Kurusek dan perkuburan satu keluarga Islam Pattani yang berjuang untuk kemerdekaan Pattani. Dari sinilah ahli-ahli dibawa pulang terus dan sampai di sempadan Golok — Rantau Panjang kira-kira jam 5.00 petang. Ahli-ahli masih berkesempatan membeli-belah, terutamanya buah-buahan untuk dibawa pulang. Kira-kira jam 6.00 petang rombongan dibawa menyeberangi sempadan dan terus pulang ke Kota Bharu.



KEJOHANAN SUKAN TAHUNAN KSK PKINK TELAH BERMULA

Dimulai dengan kejohanan Boling Tertutup KSK PKINK bagi acara individu pada 2 Mac 2002 KSK PKINK telah membuka tirai aktiviti sukan tahun 2002. Pada kejohanan ini Hasan Deraman telah menjadi johan, tempat kedua Yusoff Ali, tempat ketiga Nik Md. Kamal Nik Mahmud dan tempat keempat ialah Asri Ali. Kejohanan ini disertai oleh 54 orang ahli termasuk juga Yang Dipertua KSK PKINK yang turut sama.

Pada 9 Mac 2002, boling berpasukan telah diadakan di mana pasukan ditentukan melalui undian di kalangan ahli-ahli. Pasukan Gelama yang terdiri dari Hassan Deraman Asmadi Ab. Rahman, Mohd. Naze Daud dan Rose Suhaida Nawi telah menjadi johan. Naib Johan Pasukan Bawal, terdiri dari Zainal Ab. Rahim, Zailani Yacob, Mohd. Khairani Salleh dan Kamarul Hisyam. Tempat ketiga Pasukan Kerisi, terdiri dari Amran Hmad,

Tengku Petra Wook, Ramli Abdullah dan Faizal Yacob. Tempat keempat pula dimenangi oleh Pasukan Lolong yang terdiri dari Mohd. Zain Abdullah, Ab. Rahaman Sulaiman, Rosdi Yaacob dan Mohd. Rozi Noor. Kejohanan ini disertai oleh 12 pasukan. Kedua-dua acara di atas diadakan di Perdana Superbowl, Tingkat 1, Kompleks Sukan Perdana, Kota Bharu.

Sepanjang pertengahan tahun pertama, beberapa acara telah dirancang untuk dilaksana, antaranya ialah Tenis Berpasukan pada 13 April 2002, Tenis Beregu pada 21 - 25 April 2002, Bola Tampar Lelaki pada 27 April 2002, Sepak Takraw pada 4 Mei 2002 dan pada 18 Mei Kejohanan Ping Pong. Manakala bagi acara-acara lain dijangka akan bermula pada pertengahan Jun — Oktober 2002.

MAJLIS SOFT-LAUNCH HOSPITAL PAKAR PERDANA

Satu Majlis 'Soft-Launch' Hospital Pakar Perdana, Kota Bharu, hasil usahasama Kumpulan Perubatan Johor Sdn. Bhd. (KPJSB) dan PKINK telah disempurnakan oleh Tan Sri Muhamad Ali Hashim, Pengurus KPJSB pada 2 April 2002. Majlis ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif PKINK serta pengurusan-pengurusan kanan PKINK.

Hospital Pakar Perdana yang bernilai lebih kurang RM50 juta telah disiapkan pada tahun lalu oleh KELKON Sdn. Bhd. (syarikat anak Kumpulan PKINK) sebagai kontraktor utama projek ini dengan pegangan ekuiti 40% oleh PKINK dan merupakan hospital pakar yang ke sebelas (11) di bawah KPJSB.

Hospital ini menyediakan 126 katil pesakit dan 24 klinik bagi keperluan bidang bius, bedah, urologi, bersalin, sakit puan, jantung, pembedahan kanak-kanak, mata, telinga, hidung, tekak dan tulang. Selain itu, ia juga menyediakan kemudahan seperti unit kemalangan dan kecemasan yang bertugas 24 jam, klinik pesakit luar, farmasi, Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Hemodialisis, makmal perubatan, nurseri dan diagnostik.

Kewujudan hospital rangkaian KPJSB ini dijangka dapat menarik masyarakat tempatan dari sebelah Pantai Timur serta masyarakat dari negara jiran untuk mendapatkan rawatan pakar yang bermutu dan pelbagai serta teknologi rawatan terkini, sesuai untuk pelbagai lapisan masyarakat.



Sesi Taklimat Tatacara Perlaksanaan Program Usahawan Muda Untuk Pengetua Guru-guru Pengelola Bagi Tahun 2002

Program Usahawan Muda (PUM) merupakan program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan yang mana ahli-ahlinya terdiri dari kalangan pelajar sekolah. Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku sekretariat dengan kerjasama Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan MARA Negeri Kelantan telah memulakan program bagi sesi 2002 di mana pada tahun ini sebanyak 12 buah sekolah lagi telah dipilih untuk diberi bimbingan.

Selaras dengan permulaan program dan pemilihan sekolah-sekolah tersebut, pihak sekretariat telah mengadakan taklimat PUM untuk guru-guru pengelola dari setiap sekolah yang terpilih. Pada sesi taklimat tersebut yang diadakan pada 8 Zulhijah 1422 bertempat di Perdana Resort Pantai Cahaya Bulan, pihak sekretariat telah memberi penerangan serta kursus asas berkenaan PUM kepada guru-guru pengelola tersebut. Guru-guru ini akan bertanggungjawab secara langsung dalam membimbing para pelajar di sekolah masing-masing terutama dalam konteks penubuhan syarikat yang akan menjalankan perniagaan dengan teratur serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Pada sesi taklimat tersebut juga Tuan Haji Mohamad Alwi bin Ya selaku Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK telah menyampaikan ucapan aluan manakala penerangan tentang Tatacara



Pelaksanaan PUM telah disampaikan oleh Encik Rusli Ismail, Penolong Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK.

Sesi taklimat yang turut dihadiri oleh Pegawai MARA Kelantan serta pegawai Yayasan Islam Kelantan yang berjaya memberi kefahaman dan pengetahuan asas tentang PUM kepada guru-guru pengelola untuk melaksana dan menjayakan PUM bagi tahun 2002 di sekolah masing-masing.

Adalah diharapkan syarikat-syarikat PUM bagi tahun 2002 akan lebih cemerlang dan seterusnya akan dapat memenangi lebih banyak anugerah semasa konvensyen nasional nanti.



Catatan Diari Kumpulan

10 JANUARI 2002

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA DI ANTARA
KELSTONE SDN. BHD. DENGAN FADASON PERUMAHAN SDN. BHD.



Kelstone Sdn. Bhd, syarikat anak milik penuh PKINK telah menandatangani Perjanjian Usahasama dengan Fadason Perumahan Sdn. Bhd. pada 10 Januari 2002 bagi tujuan mengusahakan sumber batuan marmar di Bukit Gua Air Selatan, Gua Musang. Projek ini melibatkan dua komponen utama iaitu pengkuarian batuan marmar dan pembangunan kompleks pemperosesan batuan barang marmar di mana jumlah pelaburan dianggarkan sebanyak RM19 juta.

15 JANUARI 2002

MAJLIS SEMBAYANG HAJAT SEMPENA PELAKSANAAN PROJEK
DI ATAS LOT PT 118 SEKSYEN 9



Sempena pelaksanaan Pembangunan Bersama di antara PKINK dan Menang Intan Sdn. Bhd. yang akan dijalankan di atas tapak Lot PT 118, Seksyen 9, Jalan Che Su, Kota Bharu, satu majlis sembahyang hajat telah diadakan di tapak berkenaan.

Cadangan projek adalah pembinaan rumah kedai, kompleks niaga dan tempat kediaman.

20 JANUARI 2002

TAKLIMAT TANAMAN HERBAL SECARA KOMERSIAL



Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd. dengan kerjasama UPM Serdang telah menyampaikan taklimat mengenai tanaman herbal secara komersial yang boleh diceburi oleh KPKB dan lain-lain syarikat anak PKINK, bersesuaian dengan cadangan kerajaan negeri supaya agensi-agensi kerajaan atau swasta mencari peluang pelaburan yang baru termasuk dalam bidang pertanian.

11 MAC 2002

LAWATAN PELAJAR POLITEKNIK KOTA BHARU KE PERBADANAN



Seramai 43 orang pelajar Politeknik Kota Bharu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Perbadanan bagi mendapatkan pendedahan dari segi konsep perancangan PKINK dalam membangun ekonomi negeri Kelantan selain dari menambah pengalaman dan pengetahuan mengenai pentadbiran PKINK dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya.

15 – 17 MAC 2002

JEJAK WARISAN KOTA BHARU – TAIPING TREASURE HUNT



Untuk kali kedua, Perdana Hotel * Resort dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Tourism Malaysia dan Majlis Perbandaran Taiping telah menganjurkan program Jejak Warisan Kota Bharu —Taiping Treasure Hunt 2002 yang telah dirasmikan oleh YB. Ustaz Hassan Mahmud di Perdana Resort manakala majlis penutup telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Yahya Ahmad, Pengarah Pentadbiran Majlis Perbandaran Taiping.

Program ini telah menarik minat lebih kurang 100 orang peserta yang menggunakan sebanyak 30 buah kereta.

30 – 31 MAC 2002

SEKITAR HARI KEPUTERAAN



Dengan komitmen padu, PKINK sekali lagi telah menyertai Perayaan Ulang Tahun Kepuleraan KDYMM Al-Sultan Kelantan Ke-52 yang bertempatan Raja Berdaulat, Negeri Sejahtera.

Penyertaan PKINK tahun ini amatlah meriah dengan pembinaan pintu gerbang di jalan utama iaitu Jalan Pengkalan Chepa, penyertaan Kelab Kebajikan Wanita PKINK (KEKWA) dalam pertandingan masakan tradisional dan penyertaan dalam Pertandingan Menembak Mahabbah 2002.

